

Kerajaan Pusat tentukan permohonan suaka Nur Misuari

UM 2 1 DEC 2001

KOTA KINABALU 20 Dis. — Kerajaan Sabah menyerahkan kepada Kerajaan Pusat untuk membuat keputusan muktamad terhadap permohonan pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), Nur Misuari yang ingin mendapatkan suaka politik sementara di negara ini.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Dr. Lajim Ukin berkata, Sabah akur terhadap keputusan Kerajaan Pusat mengenai permohonan Misuari itu yang meminta kebenaran berada di negara ini untuk suatu tempoh tertentu.

Dr. Lajim menambah, Misuari mempunyai hak membuat permohonan bagi mendapatkan suaka politik sementara supaya boleh berada lebih lama di negara ini tetapi keputusan muktamad mengenai hal itu adalah terletak di tangan Kerajaan Pusat.

Misuari yang juga bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM) kel-

marin dilaporkan telah menaruh peguamnya, Elly Pamatong untuk menyampaikan surat permohonan suaka politik sementara itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Peguam itu telah mengemukakan petisyen supaya Misuari dibenarkan berada lebih lama di negara ini sebelum dihantar ke negara ketiga atau dibawa pulang ke Filipina kerana had masa baginya untuk berada di Malaysia ialah sehingga 24 Disember.

Misuari yang kecewa kerana dihalang mempertahankan jawatan Gabenor ARMM menghadapi tuduhan pemberontakan oleh Manila itu telah ditahan oleh pihak berkuasa polis Malaysia kerana cuba memasuki negara ini secara haram melalui perairan Sabah pada 24 November lalu selepas melancarkan perang di selatan Filipina.

Malaysia bertegas akan menghantar Misuari ke negara ketiga jika Manila enggan

menerimanya selepas 24 Disember kerana tempoh masa menahan Nur Misuari di negara ini seperti yang terkandung di bawah Akta Imigresen ialah satu bulan sahaja.

Dr. Laiim berkata, Sabah sependapat dengan pendirian Kerajaan Pusat bahawa Misuari perlu dihantar balik ke Filipina selewat-lewatnya pada 24 Disember ini.

Beliau berkata, cadangan Kerajaan Pusat untuk menghantar Misuari ke negara ketiga adalah satu alternatif yang tepat jika Manila enggan menerima semula pemimpin MNLF itu.

Kerajaan Malaysia sebelum ini menerusi kenyataan Dr. Mahathir dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berulang kali menegaskan bahawa Misuari tidak melakukan sebarang kesalahan jenayah dan tidak boleh menahannya melebihi sebulan berdasarkan kesalahan memasuki negara ini tanpa dokumen sah.